

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED  
[ PULAI ]**

**TARIKH : 6.11.2014**

**SOALAN :**

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [ Pulai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menubuhkan sekolah satu aliran dalam usaha untuk meningkatkan integrasi antara kaum di negara ini, khususnya generasi muda.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan cadangan untuk memperkenalkan sistem pendidikan sekolah satu aliran rendah memerlukan perbincangan yang lebih khusus dan perlu mendapat pandangan dan persetujuan daripada pelbagai pihak. Buat masa ini, KPM masih mengekalkan dasar sedia ada memandangkan penekanan terhadap budaya integrasi nasional dalam pendidikan yang dilaksanakan oleh KPM sekarang masih relevan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penekanan terhadap budaya tersebut bukan hanya tertumpu pada mata pelajaran yang diajar kepada murid, sebaliknya pelbagai aktiviti lain disediakan seperti dalam kelab, persatuan dan badan beruniform; aktiviti sukan dan permainan; serta

program-program khusus seperti Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) dan Dasar 1Murid 1Sukan. Langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian ini sudah pasti akan dapat memupuk integrasi nasional dalam kalangan murid di negara ini.

RJM94

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN R.SIVARASA  
[SUBANG]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN : 28**

**Tuan R.Sivarasa [Subang] minta MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah siasatan berkaitan kehilangan pesawat MH370 akan siap dan memndangkan boleh jadi keadaan nahas pesawat mungkin tidak ditemui, adakah Kerajaan bercadang meminta Pasukan Siasatan Antarabangsa mengeluarkan satu laporan sementara sekarang (interim report) berdasarkan sumber-sumber yang sedia ada, dan jika bukan sekarang, bila.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi kes kehilangan pesawat MH370, siasatan mengikut ICAO *Annex 13* masih dijalankan. Mengikut kehendak *Annex 13 Chapter 6*, sesuatu laporan hendaklah dikeluarkan dalam tempoh 12 bulan mulai tarikh kemalangan tersebut. Jika laporan tidak dapat dikeluarkan dalam tempoh di atas, satu kenyataan interim (interim statement) akan dibuat merangkumi status penyiasatan dan isu-isu bersangkutan dengan keselamatan. Pasukan Penyiasat MH370 sedang berusaha untuk mematuhi kehendak ICAO seperti di atas.